

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN BANTUAN
TABUNG BANTUAN PERUBATAN (TBP)
(Pindaan 2019)**

1. TUJUAN

- 1.1 Mencapai objektif Tabung Bantuan Perubatan (TBP) membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk membiayai sebahagian atau sepenuhnya kos rawatan, peralatan perubatan, peralatan rehabilitasi dan ubat-ubatan.
- 1.2 Menjelaskan syarat-syarat dan jenis-jenis bantuan yang boleh dipertimbangkan di bawah TBP untuk kegunaan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (IPKKM) dan hospital-hospital Kerajaan.
- 1.3 Penilaian bagi pemberian bantuan di bawah pembiayaan TBP dapat dilaksanakan dengan telus supaya dapat dimanfaatkan oleh golongan sasaran.
- 1.4 Memendekkan tempoh penilaian supaya dapat dibuat dengan lebih cepat berdasarkan maklumat yang tersedia untuk dinilai.

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- 2.1 Kewarganegaraan: Warganegara Malaysia.
- 2.2 Status sosio-ekonomi:
 - a. kategori miskin atau kurang mampu yang diperaku dan disahkan oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan (PKSP); dan
 - b. seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penilaian Sosio ekonomi Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan KKM Tahun 2017.
- 2.3 Rujukan Hospital: Pesakit dirujuk oleh Hospital Kerajaan KKM/ Pusat Perubatan Universiti Awam.
- 2.4 Bukan Penjawat Awam/ Pesara Kerajaan atau anggota keluarga penjawat awam yang mendapat faedah perubatan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009, Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan atau pindaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

3. JENIS-JENIS BANTUAN YANG DIPERTIMBANGKAN

- 3.1 Peralatan perubatan termasuk peralatan rehabilitasi yang merangkumi pemulihan asas, meningkatkan kefungsiannya, dan bukan untuk tujuan penyelesaian atau kosmetik.
- 3.2 Ubat-ubatan:
 - a. didaftarkan dalam Senarai Formulari KKM;
 - b. telah berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD);
 - c. mendapat kelulusan khas Ketua Pengarah Kesihatan sekiranya ubat tersebut tidak terdapat dalam Senarai Formulari KKM; dan
 - d. bagi tujuan rawatan dan penyembuhan.
- 3.3 Lain-lain bantuan bagi tujuan rawatan, pemulihan dan penyembuhan.

4. KONSEP/ TATACARA/ SYARAT PERMOHONAN TABUNG BANTUAN PERUBATAN

- 4.1 Permohonan dikemukakan dan kelulusan diperolehi **sebelum rawatan** dijalankan.
- 4.2 Pesakit/ keluarga pesakit **perlu membiayai sejumlah amaun** mengikut kemampuan berdasarkan Garis Panduan Penilaian Sosio-ekonomi Perkhidmatan Kerja Sosial Perubatan Tahun 2017. Walau bagaimanapun, amaun ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan keputusan Pihak Berkuasa Melulus.

5. JENIS-JENIS RAWATAN/ PERALATAN PERUBATAN YANG TIDAK DIPERTIMBANGKAN

- 5.1 Pembayaran ujian-ujian makmal dan diagnostik.
- 5.2 Rawatan bagi masalah kemandulan (*infertility*).
- 5.3 Alat pakai buang (*disposable item*) dan *consumable item*.
- 5.4 Kaedah rawatan yang baru dan belum terbukti keberkesannya.
- 5.5 Rawatan pembedahan estetik kecuali bagi rawatan untuk meningkatkan atau mengembalikan kefungsiannya.

6. KAEDAH TUNTUTAN PEMBAYARAN

- 6.1 Tuntutan pembayaran hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, KKM melalui Jabatan Kerja Sosial Perubatan di Hospital Kerajaan KKM/ Pusat Perubatan Universiti Awam yang menjalankan rawatan/ membekalkan peralatan perubatan kepada pesakit.
- 6.2 Dokumen yang diperlukan bagi tujuan tuntutan pembayaran adalah seperti berikut:
 - a. Surat permohonan tuntutan bayaran dari Jabatan Kerja Sosial Perubatan, Hospital Kerajaan KKM/ Pusat Perubatan Universiti Awam;
 - b. Surat pengesahan rawatan/ alat/ ubat kepada penerima bantuan di bawah TBP (Borang F) yang diisi oleh Pegawai Perubatan atau Pegawai Kerja Sosial Perubatan;
 - c. Surat perakuan dan pengesahan rawatan perubatan kepada penerima di bawah TBP (Borang G) yang diisi oleh pesakit/ waris pesakit;
 - d. Invois asal yang telah disahkan;
 - e. Nota penghantaran (*Delivery order*) yang telah disahkan;
 - f. Salinan sijil bumiputera bagi amaun RM50,000.00 dan ke atas; dan
 - g. Salinan surat kelulusan.
- 6.3 Pembayaran bagi bantuan yang telah diluluskan akan disalurkan terus kepada pusat rawatan/ pembekal peralatan.

7. PEMBATALAN PERMOHONAN/ KELULUSAN

- 7.1 Maklumat yang diberikan didapati tidak benar.
- 7.2 Pesakit telah mendapat tajaan/bantuan daripada pihak lain.
- 7.3 Rawatan tidak diperlukan lagi.
- 7.4 Telah tamat tempoh sahlaku kelulusan.

8. TEMPOH KELULUSAN

- 8.1 Tempoh sahlaku kelulusan bantuan di bawah TBP:
 - a. Kes Kecemasan: **5 hari bekerja**
 - b. Kes Elektif:
 - i. Disiplin Kardiologi dan Ortopedik: **1 tahun**
 - ii. Lain-lain disiplin perubatan: **6 bulan**

- 8.2 Permohonan perlanjutan tempoh kelulusan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan, KKM dalam tempoh **dua (2) bulan** sebelum tamat tempoh sahlaku kelulusan beserta dengan justifikasi dan cadangan tarikh rawatan baru.
- 8.3 Permohonan perlanjutan tempoh sahlaku kelulusan hanya dibenarkan **sekali sahaja** bagi setiap kelulusan.
- 8.4 Kelulusan bantuan bekalan ubat diberi sekali sahaja bagi setiap pesakit untuk tempoh **6 bulan**.
- 8.5 Tempoh kelulusan bekalan permohonan bantuan susu ialah selama **6 bulan**.

9. JENIS-JENIS PENYAKIT YANG BOLEH DIBERI BANTUAN

- 9.1 *Blood Disorders – all blood disorders excluding*
 - a. *Thalassemia for relevant age groups;*
 - b. *Factor V111 deficiency;*
 - c. *Factor 1X deficiency;*
 - d. *Von-Willebrands;*
 - e. *Others where treatment is available at the Government hospitals.*
- 9.2 *Bone and joint disorders.*
- 9.3 *Ear and hearing disorders.*
- 9.4 *Endocrine disorders.*
- 9.5 *Eye disorders.*
 - a. *Age Related Mascular Degeneration;*
 - b. *Photo Dynamic Therapy;*
 - c. *Glaucoma;*
 - d. *Anisometropia;*
 - e. *Corneal Opacities.*
- 9.6 *Genetic and metabolic disorders.*
 - a. *Special diets (as advised by medical specialists);*
 - b. *Medications;*
 - c. *Other proven interventions (as advised by medical specialists).*
- 9.7 *Heart diseases.*
 - a. *Congenital;*
 - b. *Acquired.*
- 9.8 *Immune disorders.*
- 9.9 *Interventional Radiology.*
- 9.10 *Long term care following surgical intervention.*

- 9.11 *Maxillofacial.*
- 9.12 *Neurological and neurodegenerative disorders.*
- 9.13 *Orthopedic conditions requiring surgical interventions.*
- 9.14 *Renal disorders.*
- 9.15 *Respiratory disorders.*
 - a. *Chronic respiratory failure requiring home ventilation, home oxygen therapy;*
 - b. *Other chronic conditions.*

Nota:

Penyakit yang tidak disenaraikan boleh dipertimbangkan untuk bantuan secara 'case to case basis' jika diperakukan oleh Jawatankuasa Teknikal Perubatan.

10. DOKUMEN WAJIB DISERTAKAN

Permohonan juga perlu disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:

10.1 DOKUMEN PENGENALAN DIRI

- a. MyKad/MyKid;
- b. MyKad/Passport bagi ibubapa/penjaga; dan/atau
- c. Sijil Kelahiran/Sijil Pendaftaran Pengangkatan.

10.2 DOKUMEN PENDAPATAN (pesakit & keluarga)

- a. Slip gaji;
- b. Borang BE/Cukai Pendapatan;
- c. Surat/Kad Pencen Ilat bagi penerima PERKESO;
- d. Surat Pengesahan Penerima Bantuan JKM; dan/atau
- e. Surat Pengesahan Penerima Bantuan Baitulmal.

10.3 DOKUMEN CARUMAN (pesakit & keluarga)

- a. Penyata KWSP; dan/atau
- b. Polisi Insuran Kesihatan.

10.4 BIL UTILITI DAN LAIN-LAIN KOMITMEN

- a. Elektrik;
- b. Air;
- c. Telefon tetap/ bimbit; dan/atau
- d. Lain-lain komitmen (bulanan).

10.5 LAIN-LAIN DOKUMEN SOKONGAN (bagi permohonan yang melibatkan kos RM3,000.00 dan ke atas, sekiranya perlu)

- a. Surat Pengesahan Pendapatan dari Ketua Kampung/ Penghulu/ Ketua Masyarakat/ Jawatankuasa Kampung/ Pegawai Daerah/ Surat Akuan Sumpah;
- b. Kad Orang Kurang Upaya (OKU);
- c. Surat Pengesahan Pelajar;
- d. Gambar rumah (hadapan dan ruang tamu); dan/ atau
- e. Dokumen pemilik kedai bagi pemohon yang bekerja sebagai pembantu kedai.

10.6 DOKUMEN PERMOHONAN BANTUAN

- a. Borang Permohonan TBP (Borang A);
- b. Laporan Sosio Ekonomi (Borang B);
- c. Surat Pengesahan Pakar/ Pegawai Perubatan (Borang C).
- d. Pandangan dan ulasan Ketua Perkhidmatan Kebangsaan bagi permohonan ubat sahaja (Lampiran D); dan
- e. Jawatankuasa Pengesahan Permohonan Implan & Prostesis bagi pesakit-pesakit ortopedik kos RM30,000.00 dan ke atas (Lampiran E).

10.7 SEBUT HARGA

Tiga (3) sebutharga dari syarikat berlainan yang disahkan oleh Pegawai/ Pakar Perubatan dan Pengarah Hospital.

11. PERMOHONAN

Individu yang ingin memohon bantuan di bawah TBP ini perlu dirujuk melalui Pegawai/ Pakar Perubatan yang merawat pesakit kepada Jabatan Kerja Sosial Perubatan di Hospital Kerajaan KKM/ Pusat Perubatan Universiti Awam.

12. BACAAN BERSAMA DENGAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DAN SURAT EDARAN BERKAITAN PERMOHONAN TBP

12.1 Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan SOP mengikut disiplin perubatan dan surat edaran berkaitan dengan permohonan TBP ini seperti berikut:

- a. SOP Kardiologi;
- b. SOP Ortopedik;

- c. SOP Respiratori;
- d. SOP Surgeri;
- e. SOP Otorinolaringologi (ENT);
- f. SOP Oftalmologi;
- g. SOP Rehabilitasi; dan
- h. SOP Transplant.

12.2 Tindakan surcaj/ tatatertib akan dikenakan kepada mana-mana pihak sekiranya terdapat maklumat yang tidak benar dan tidak mematuhi garis panduan dan peraturan-peraturan yang digunapakai dari semasa ke semasa.

13. PERTANYAAN

13.1 Bagi urusan permohonan dan tuntutan bayaran :

Urus Setia Tabung Bantuan Perubatan
Bahagian Kewangan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 03-8883 3105/3116/3108/3119
Faks : 03-8888 4009/3677

13.2 Bagi urusan penilaian teknikal perubatan:

Urus Setia Teknikal Perubatan Tabung Bantuan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 7, Blok E1, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Tel : 03-8883 1020/1016/1010/1013/1037
Faks : 03-8883 1048
Emel : kes_urgent.uteknik@moh.gov.my (bagi kes *urgent* sahaja)